

HUBUNGAN ANTARA PUNCA TEKANAN KERJA DAN TAHAP PERHUBUNGAN PERKAHWINAN

ABSTRACT

RELATIONSHIP BETWEEN THE SOURCES OF JOB STRESS WITH THE LEVEL OF MARITAL RELATIONSHIP

Rosfariza Mohamed Ghani, Fatahyah Yahya, Nur Fatimah Mat Yusoff

The purpose of this study was to determine the relationship between the sources of job stress with the level of marital relationship. The sources of job stress were role overload, role insufficiency, role ambiguity, role boundary, responsibility and physical environment. As for the level of marital relationship, there were components such as task accomplishment, role performance, communication, affective expression, involvement, control and values and norms. There were two instruments which had been used in this study. First is the Occupational Stress Inventory Revised Edition (OSI-R) (Occupational Role Questionnaire)-ORQ which are used to measure the sources of job stress and the second is Family Assessment Measure Version 111 (Dyadic Relationship Scale). It is used to measure the level of marital relationship. There were 55 respondents among police officers from Ibu Pejabat Polis Kontigen (IPK) and Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) which were married at least two years and still living together. Result had shown the the number of children, role overload, role insufficiency, role ambiguity and responsibility had significant relationship with the level of marital relationship. Findings also showed that the sources of job stress had an inverse relationship with the level of marital relationship.

ULASAN LITERATUR

Kajian yang telah dibuat oleh Friedman (1991) telah mendapati bahawa keluarga selalunya akan menanggung tekanan yang disebabkan oleh konflik antara kerja dan kerjaya. Tekanan yang dihadapi ini secara tidak langsung akan mempengaruhi kehidupan berkeluarga individu itu. Dapatan kajian ini juga turut disokong oleh dapatan daripada kajian yang telah dibuat oleh Stevens (2002) yang mengatakan bahawa tekanan di tempat kerja mempengaruhi kualiti hidup berkeluarga. Sementara itu, kajian yang telah dibuat oleh Friedman (1991) dan Pittman (1994) telah menyangkal bahawa kerja tidak mempengaruhi kehidupan berkeluarga dan mereka telah memperkenalkan satu idea yang menjelaskan tentang kerja dan keluarga mempunyai keserasian. Tekanan dan psikologi yang negatif di tempat kerja boleh mempengaruhi individu itu dalam hubungan perkahwinannya iaitu termasuklah kualiti hubungan seksual (Rogers, 1996).

Apabila kedua-dua pasangan terlibat dengan pekerjaan yang makan gaji, mereka kurang mempunyai masa dalam urusan rumahtangga mereka, Jika salah seorang daripada pasangan tersebut berasa tidak adil terhadap pembahagian kerja dalam rumahtangga, perasaan ini akan memberi pengaruh dalam hubungan keluarga (Stevens, 2002).

Peruntukan masa terhadap kerja adalah sangat penting bagi ibu-ibu yang bekerja sehinggakan mereka mengalami kesukaran dalam menguruskan masa untuk menyeimbangkan masa mereka terhadap kerjaya dan keluarga berbanding dengan golongan lelaki (Bielby, 1989). Dapatan daripada kajian ini bertentangan dengan dapatan yang telah diperolehi oleh Bannett dan Marshall (1992) yang mendapati bahawa permasalahan yang berlaku dalam hubungan perkahwinan antara pasangan adalah berpunca daripada tekanan kerja yang tinggi kepada golongan lelaki.

Selain daripada itu, bilangan anak dalam keluarga juga mempunyai hubungan dengan jumlah masa yang diperuntukan di dalam hubungan perkahwinan (Greenblatt, 1983). Bilangan anak

yang ramai dalam rumahtangga menyebabkan lebih sukar bagi ibu bapa untuk memenuhi kehendak dan keperluan anak-anak mereka itu dan akan menyukarkan lagi dalam pengekal kesepaduan dalam keluarga (Cox dan Paley, 1997). Ibu bapa juga didapati lebih cenderung mengalami konflik antara kerjaya keluarga berbanding dengan pasangan yang tidak mempunyai anak (Galinsky, Bond dan Friedman, 1996). Menurut Shelly, (1999), bilangan anak mempunyai pengaruh terhadap penurunan kepuasan perkahwinan jika dibandingkan dengan wanita yang tidak mempunyai anak dalam perkahwinannya.

Kajian yang dibuat oleh Deniel, (1995) yang bertajuk *Gender Difference in Marital Quality and Well-Being in Chinese Married adults* mendapati bahawa tempoh perkahwinan yang lama mempunyai hubungan yang negatif terhadap penyesuaian diri dengan pasangan dan kepuasan perkahwinan di kalangan wanita. Di samping itu kajian yang telah dibuat oleh Byers, (1999) pula mendapati bahawa kepuasan perhubungan dalam perkahwinan mempunyai hubungan yang kuat terhadap kepuasan seksual di awal perkahwinan dengan tempoh perkahwinan yang lama.

Bagi mereka dalam peringkat umur di awal dewasa, mereka lebih suka bertindak secara terus terhadap pasangan daripada berbincang secara damai sekiranya wujud rasa tidak puas hati dengan pasangan mereka berbanding mereka yang lebih dewasa. Mereka yang lebih dewasa mempunyai hubungan emosi yang rapat dan lebih memahami dalam hubungan peribadi mereka. (Jamila, Joelle & Bozena, 2005)

Dalam kajian yang telah dibuat oleh Steven (2002) mendapati bahawa semakin seseorang wanita itu berpuas hati dengan kerjayanya semakin kurang interaksinya dalam keluarganya. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa persekitaran tempat kerja mempengaruhi kehidupan berkeluarga.

Kajian yang telah dibuat oleh Haas (1999) mendapati bahawa semakin banyak masa yang diluahkan untuk bekerja, semakin kurang masa yang diperuntukan untuk memenuhi tanggungjawab terhadap keluarga. Apabila kedua-dua pasangan terlibat dalam kerjaya yang makan gaji, tanggungjawab untuk mengimbangi kerja dan keluarga menjadi lebih sukar. Jadual kerja yang rutin akan mengganggu kelancaran keluarga itu untuk berfungsi.

Para responden dalam kajian yang telah dibuat oleh Adelina, (1999) menyatakan tentang bagaimana desakan kerja itu mempengaruhi waktu cuti dan rehat mereka. Para majikan yang terlalu memberi fokus kepada kerja mereka banyak mempengaruhi kehidupan dan masa rehat mereka bersama keluarga. Menurut pengkaji ini juga, kerja yang berlebihan, tekanan masa dan tarikh akhir perhantaran tugas, waktu bekerja yang panjang dan tidak dapat bersosial akan mempengaruhi aktiviti keluarga dan aktiviti sosial.

Berdasarkan kajian Renshaw (1993) mendapati bahawa tekanan dan kepenatan yang berpunca daripada terlalu banyak kerja merupakan penyebab kepada kegagalan fungsi seksual. Penurunan kepuasan terhadap pengurusan emosi pekerjaan mempunyai kaitan dengan penurunan terhadap kepuasan perkahwinan (Stevens, 2001).

Stevens (2002) telah membuat kajian ke atas pasangan yang telah berkahwin dalam kajiannya yang bertajuk *work and family dynamic study* telah mendapati bahawa emosi dan kepuasan kerja mempunyai hubungan yang positif dengan kejelekitan hubungan antara lelaki dan wanita.

Menurut Diane Hughes dari Iniversiti New York (1999) tekanan yang disebabkan oleh kerja akan menghalang pekerja itu daripada memenuhi desakan yang negatif terhadap kehidupannya di rumah. Dapatan daripada kajian tersebut juga mendapati bahawa perasaan yang negatif yang

disebabkan oleh kerja akan menyebabkan secara psikologi pekerja tersebut berasa mereka tidak berada di dalam rumah walaupun pada hakikat yang sebenar jasad mereka adalah di rumah. Menurut juga, berfikir tentang kerja boleh menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pasangan mereka.

Tekanan bukan sahaja disebabkan oleh kuantiti kerja tetapi ciri-ciri psikologi pekerjaan tersebut juga menyumbang kepada masalah dalam hubungan perkahwinan. Menurut pengkaji dari New York dalam (*Journal of Marriage and the Family vol.54, No.1*), seseorang yang mempunyai tekanan yang tinggi di tempat kerja dan majikan yang tidak memberi sokongan menyebabkan individu tersebut mengalami tekanan perkahwinan.

Kajian seterusnya menyatakan bahawa adalah penting untuk mengambil kira tentang jumlah masa bekerja (Bernas dan Major, 2000) dan kerja yang berlebihan (Voydanoff dan Donnelly, 1999) mempunyai hubungan dengan tekanan kerja. Tekanan kerja juga akan menyebabkan tekanan dalam hubungan rumahtangga (Kinnunen, Gerris dan Vermulst, 1996).

Selain itu kajian yang telah dibuat oleh Friedman (1991) juga mendapati bahawa tahap di mana seseorang itu boleh menyesuaikan diri dengan polisi di tempat kerja juga boleh memberi kesan secara terus kepada kebolehan untuk menguruskan masa dan keperluan keluarga.

Pittman (1994) telah membuat kajian terhadap anggota tentera Amerika Syarikat dan pasangan mereka. Dapatan beliau mendapati bahawa kepuasan terhadap masa bekerja pasangan mempengaruhi persepsi mereka terhadap keserasian hubungan antara kerjaya dan keluarga iaitu yang berkaitan dengan tekanan perkahwinan. Dapatan daripada kajian ini juga mendapati bahawa wanita yang kurang berpuas hati dengan waktu bekerja suami mereka akan berasa kurang keserasian antara pekerjaan pasangan dengan keperluan keluarga mereka. Oleh itu wanita lebih cenderung untuk menghadapi tekanan dalam perkahwinan.

Kajian ke atas kerja shift dan keluarga menunjukkan keluarga kepada pekerja shift kurang mempunyai kepuasan dalam rumahtangga, kadar ketidakpersetujuan yang tinggi, masalah perkahwinan dan seksual (Colligan dan Rosa, 1990), dan kadar penceraian yang tinggi (Ircadian Information, 1998) berbanding dengan keluarga yang bekerja pada waktu kerja yang normal.

Barling dan Macewen (1992) mendapati bahawa tekanan kerja yang disebabkan oleh kurang jelas terhadap kerja, konflik dan persekitaran kerja yang tidak selamat memberi kesan yang negatif terhadap fungsi rumahtangga. Meluangkan masa tambahan kepada kerja mempunyai hubungan yang kuat dengan emosi negatif di rumah dan tekanan perkahwinan sekiranya kurang bantuan dalam membuat tugas di rumah oleh pasangan (Lillian, 2003).

Kepelbagaian aspek dalam pekerjaan seseorang individu itu akan turut mempengaruhi secara negatif terhadap hubungan kekeluargaan seperti tekanan perkahwinan, fungsi perkahwinan dan emosi ketika berada di rumah. Aspek tersebut termasuklah meluangkan masa tambahan kepada kerja, bekerja dalam kerjaya yang kurang kepelbagaian dan bekerja dalam pekerjaan yang bertekanan tinggi dan kurang sokongan daripada penyelia (Hughes dan Galinsky, 1994).

METODE KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan di ibu pejabat polis daerah Kuching. Populasi kajian adalah daripada kalangan anggota polis yang telah mendirikan rumahtangga sekurang-kurangnya dua(2) tahun

dan tinggal bersama pasangannya. Formula yang telah dibina oleh Luck, Tolyor dan Robin (1987) akan digunakan oleh untuk membentuk saiz sampel. Jenis sampel yang digunakan ialah sampel berlapis. Seramai 55 orang responden dipilih secara rawak untuk mengisi borang kaji selidik yang diedarkan.

Jenis rekabentuk penyelidikan dalam kajian ini ialah tinjauan kajian (*survey reasearch*) yang melibatkan pengumpulan maklumat daripada responden melalui borang kaji selidik. Pendekatan yang digunakan untuk kajian ini adalah dalam bentuk kuantitatif. Borang soal selidik digunakan sebagai kaedah untuk pengumpulan data. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan di antara dua pembolehubah iaitu pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar dalam bentuk penerangan yang lebih jelas (Schumacher & Mc Millan , 1993).

Dalam borang soal selidik yang telah dibina mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian A berkaitan tentang demografi responden. Bahagian B berkaitan dengan punca tekanan kerja dan bahagian C terdiri daripada soalan yang mengukur tahap perhubungan perkahwinan responden.

Bahagian A: Demografi Responden

Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan ciri-ciri demografi responden. Terdapat 10 item yang perlu diisi oleh responden dalam bahagian ini iaitu :

- a) Jantina
- b) Umur
- c) Etnik
- d) Bilangan anak
- e) Tempoh perkahwinan
- f) Pendapatan
- g) Tempoh perkahwinan
- h) Jawatan atau pangkat
- i) Latar belakang pendidikan
- j) Latar belakang pasangan

Bahagian B: Punca tekanan kerja - *Occupational Stress Inventory Revised Edition (OSI-R)*

Bahagian B mengandungi item-item yang berkaitan dengan punca-punca tekanan kerja. Terdapat 60 item yang perlu dijawab oleh responden. Skala *Likert* 5 mata digunakan untuk mengukur sejauh mana aktiviti atau suasana di tempat kerja menyebabkan tekanan kepada responden.

Jadual 1 : Skala *Likert* lima mata

1	-	Jarang atau tidak pernah benar
2	-	Kadang-kadang benar
3	-	Selalu benar
4	-	Lazimnya benar
5	-	Amat benar

Bahagian C: Tahap perhubungan perkahwinan - *Family Assessment Measure Version 111 (Dyadic Relationship Scale)*.

Bahagian C terdiri daripada item-item yang mengukur tahap perhubungan perkahwinan responden yang merangkumi sebanyak 42 item. Skala *Likert* empat mata digunakan untuk menjawab sejauh mana persetujuan responden terhadap item-item tersebut.

Jadual 2 : Skala *Likert* empat mata

1	-	Sangat setuju
2	-	Setuju
3	-	Tidak setuju
4	-	Sangat tidak setuju

Kebolehpercayaan Instrumen

Occupational Stress Inventory Revised Edition (OSI-R) (Occupational Role Questionnaire)ORQ Instrumen ini telah dibina oleh Samuel yang telah diterbitkan pada tahun 1998. Terdapat 3 bahagian dalam instrumen ini tetapi hanya 1 bahagian sahaja digunakan iaitu *Occupational Role Questionnaire*. Bahagian ini bertujuan untuk mengukur pembolehubah tak bersandar dalam kajian ini iaitu punca tekanan kerja. Terdapat 60 item dan 6 sub skala dalam bahagian ini yang merangkumi beban tugas, kurang peranan, ketidakjelasan peranan, tanggungjawab, persekitaran fizikal dan batasan peranan. Darjah kebolehpercayaan instrumen ini ialah .88. Setelah item-item dalam instrumen ini diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dan diedarkan dalam konteks Malaysia, kebolehpercayaannya ialah .936. Darjah kebolehpercayaan yang tinggi ini menunjukkan instrumen tersebut bersesuaian dengan norma seta nilai di Malaysia. Berikut merupakan cara meramal keputusan berdasarkan skor yang diperolehi.

Jadual 3 : Ramalan Skor Bagi *Occupational Role Questionnaire*

70 T	-	Kebarangkalian mempunyai tekanan yang tinggi terhadap kesukaran penyesuaian diri
60 T-69T	-	Tekanan di tahap yang sederhana terhadap kesukaran penyesuaian diri
40 T-59T	-	Kadar tekanan yang normal
40 T ke bawah	-	Tiada tekanan pekerjaan pada ketegasan psikologi

Contoh item yang terdapat dalam instrumen ini ialah (i) saya belajar kemahiran baru dalam kerja saya (ii) kerja saya menepati kebolehan dan minat saya dan (iii) saya selesa dengan kerja yang saya lakukan. Skala yang diberi untuk menjawab item-item ini ialah dari skala 1 hingga 5. Skala 1 menunjukkan perkara itu 'jarang atau tidak pernah benar' dan skala 5 menunjukkan perkara itu 'amat benar'.

Family Assessment Measure Version III (Dyadic Relationship Scale).

Instrumen ini telah dibina oleh Harvey A. Skinner, Paul D. Steinhauer dan Jack Santa-Barbara. Yang tela diterbitkan pada tahun 2003. Terdapat 3 bahagian dalam instrumen ini tetapi hanya 1 bahagian sahaja digunakan iaitu *Dyadic Relationship Scale*. Bahagian ini bertujuan untuk mengukur pembolehubah bersandar dalam kajian iaitu tahap perhubungan perkahwinan. Terdapat 42 item dan 7 sub skala dalam bahagian ini yang merangkumi pencapaian tugas, pencapaian peranan, komunikasi, ekspresi berkesan, penglibatan, kawalan dan norma dan nilai. Darjah kebolehpercayaan instrumen ini ialah .95. Namun setelah instrumen ini diterjemahkan dalam

Bahasa Melayu dan diedarkan dalam konteks Malaysia, kebolehpercayaannya ialah .768. Darjah kebolehpercayaannya lebih rendah daripada instrumen yang asal. Ia berkemungkinan disebabkan item-item yang terdapat di dalam instrumen tersebut kurang menepati norma serta nilai masyarakat Malaysia. Berikut merupakan cara meramal keputusan berdasarkan skor yang diperolehi.

Jadual 4 : Ramalan Skor Bagi *Dyadic Relationship Scale*

40 ke bawah	- tahap perhubungan perkahwinan yang rendah
41-59	- tahap perhubungan perkahwinan yang sederhana
60 ke atas	- tahap perhubungan perkahwinan yang tinggi

Contoh item yang terdapat dalam instrumen ini ialah (i) pasangan saya boleh diajak berunding apabila saya melakukan kesilapan (ii) apabila saya sedih, pasangan saya sentiasa tahu apa sebabnya dan (iii) walaupun saya mengaku saya salah, dia tidak memaafkan saya. Skala yang diberi untuk menjawab item-item ini ialah dari skala 1 hingga 4. Skala 1 menunjukkan responden 'sangat setuju' dengan item tersebut dan skala 4 menunjukkan responden 'sangat tidak bersetuju' dengan item itu.

Penganalisaan Data

Dalam kajian ini teknik analisis data yang akan dibuat oleh pengkaji adalah dengan menggunakan pendekatan kuantitatif (logik deduktif). Data yang dikumpul dianalisis mengikut pembahagian jenis soalan yang terdapat dalam borang soal selidik yang telah disediakan. Data yang telah dikumpul tersebut dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) 11.5*.

Ujian Korelasi Pearson dan Korelasi Spearmans' digunakan untuk menentukan sama ada wujud atau tidak hubungan antara satu pembolehubah dengan satu atau lebih pembolehubah lain dan juga untuk mengetahui darjah kekuatan hubungan yang wujud antara pembolehubah yang dikaji. Ujian korelasi Pearson digunakan apabila data bagi pembolehubah yang dikaji ialah interval dan mempunyai hubungan yang linear manakala korelasi Spearmans' digunakan apabila data bagi pembolehubah yang dikaji ialah ordinal dan mempunyai hubungan yang tidak linear. Kedua-dua jenis korelasi ini mempunyai cara interpretasi nilai pekali yang sama.

Korelasi positif menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah bergerak pada arah yang sama iaitu sekiranya satu pembolehubah meningkat maka pembolehubah yang satu lagi akan turut meningkat. Bagi korelasi negatif pula menunjukkan bahawa wujud hubungan songsang antara pembolehubah, ini bermaksud sekiranya satu pembolehubah meningkat maka pembolehubah yang satu lagi akan berkurangan.

Merujuk kepada nilai korelasi, kita boleh menilai kekuatan hubungan antara pembolehubah. Jika nilai pekali menghampiri nilai +1 atau -1, ini menunjukkan bahawa wujud hubungan yang kuat antara pembolehubah. Jika nilai pekali menghampiri nilai 0 maka hubungan yang wujud adalah semakin lemah (Zukarnain & Hishamuddin, 2001).

Jadual 6 : Interpretasi Umum Nilai Pekali Korelasi

Nilai Pekali Korelasi	Interpretasi
Kurang daripada 0.20	Hubungan yang sangat lemah
0.20 – 0.40	Korelasi rendah
0.40 – 0.70	Korelasi sederhana

0.70 – 0.90	Korelasi tinggi
0.90 – 1.00	Korelasi yang sangat tinggi

Hasil Analisis

Taburan demografi responden

Daripada 55 orang responden, seramai 31 anggota polis lelaki iaitu 56.4% mewakili keseluruhan responden dan 24 anggota wanita iaitu 43.6% telah terlibat dalam kajian ini. Taburan mengikut umur pula menunjukkan seramai 23 orang responden (41.8%) berusia dalam lingkungan umur 26 hingga 35 tahun, 9 orang responden (16.4%) berusia dalam lingkungan umur 36 hingga 45 tahun. Responden dalam lingkungan umur 46 hingga 55 tahun pula adalah seramai 22 orang (40.0%) dan hanya seorang sahaja responden (1.8%) yang berusia dalam lingkungan umur 56 hingga 66 tahun. Didapati seramai 29 orang responden (52.7%) berbangsa Melayu, 5 orang responden berbangsa Cina (9.1%), seorang berbangsa India (1.8%) dan 20 orang berbangsa lain daripada ketiga-tiga bangsa tersebut. Bangsa lain adalah termasuk bangsa Iban dan Melanau.

Terdapat seramai 3 orang responden (5.5%) yang belum memiliki anak, 12 orang responden (21.8%) mempunyai seorang anak, 8 orang responden (14.5%) mempunyai seramai 2 orang anak dan seramai 12 orang (21.8%) responden yang memiliki 3 orang anak. Selain itu, seramai 11 orang responden (20.0%) yang mempunyai 4 orang anak, 6 orang responden (10.9%) yang memiliki 5 orang anak, 2 orang responden (3.6%) yang mempunyai 6 orang anak dan hanya seorang sahaja responden (1.8%) yang mempunyai anak seramai 7 orang.

Sebanyak 30.9% iaitu seramai 17 orang responden telah melalui tempoh perkahwinan dalam lingkungan masa 2 hingga 7 tahun diikuti dengan 18.2% iaitu seramai 10 orang responden sudah menjangkau tempoh perkahwinan dalam lingkungan masa 8 hingga 13 tahun. Terdapat juga responden yang telah berkahwin dalam lingkungan masa 14 hingga 19 tahun iaitu seramai 8 orang bersamaan dengan 14.5% diikuti dengan seramai 9 orang responden (16.4%) yang telah melalui tempoh perkahwinan dalam lingkungan masa 20 hingga 25 tahun. Tempoh perkahwinan responden yang sudah menjangkau 26 hingga 31 tahun dan 32 hingga 37 tahun, masing-masing adalah seramai 7 dan 4 orang bersamaan dengan 12.7% dan 7.3%.

Seramai 36 responden iaitu 65.5% memperoleh gaji dalam lingkungan RM1001 hingga RM2000 diikuti dengan 12 responden iaitu 21.8%, memperoleh gaji dalam lingkungan RM2001 hingga RM3000. Seramai 3 responden (5.5%), memperoleh gaji dalam lingkungan RM1000 ke bawah dan gaji dalam lingkungan RM3001 hingga RM4000 dan RM5001 ke atas masing-masing hanya seorang sahaja responden iaitu sebanyak 1.8%. Majoriti responden memperoleh gaji dalam lingkungan RM1001 hingga RM2000 diikuti dengan RM2001 hingga RM3000.

Bagi faktor demografi tempoh perkhidmatan pula, sebanyak 25.5% iaitu seramai 14 orang responden telah melalui tempoh perkhidmatan dalam lingkungan masa 9 hingga 14 tahun diikuti dengan 18.2% iaitu seramai 10 orang responden sudah menjangkau tempoh perkahwinan dalam lingkungan masa 3 hingga 8 tahun dan 27 hingga 32 tahun. Terdapat juga responden yang telah berkhidmat dalam lingkungan masa 21 hingga 26 tahun dan 33 hingga 38 tahun iaitu seramai 8 orang bersamaan dengan 14.5% diikuti dengan seramai 3 orang responden (5.5%) yang telah melalui tempoh perkhidmatan dalam lingkungan masa 15 hingga 20 tahun

Majoriti responden mempunyai latarbelakang pendidikan sehingga tahap SPM iaitu seramai 37 orang (67.3%) diikuti dengan tahap PMR iaitu seramai 8 orang (67.3%). Seramai 5 orang responden (9.1%) yang mempunyai latarbelakang pendidikan pada peringkat STPM, 2 orang responden (3.6%) pada peringkat diploma dan hanya seorang sahaja responden (1.8%) yang mempunyai latarbelakang pendidikan pada tahap ijazah. 2 responden lagi (3.6%) mempunyai tahap pendidikan selain daripada yang telah dinyatakan tadi iaitu pada tahap UPSR. Bagi latar belakang pasangan pula, seramai 34 orang responden iaitu 61.8% mempunyai pasangan yang bekerja dan pasangan responden yang tidak bekerja adalah seramai 21 orang iaitu 38.2%. Oleh itu kebanyakan responden dalam kajian ini yang mempunyai pasangan yang bekerja.

Hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut bebanan kerja

Ho 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut bebanan kerja

Hipotesis pertama ini adalah untuk mengetahui hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut bebanan kerja dari kalangan anggota-anggota polis. Pengujian bagi hipotesis ini adalah dengan menggunakan analisis Kolerasi Spearmans'.

Keputusan ujian kolerasi bagi hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut bebanan kerja

	N	Spearmans's ρ	Signifikan 2-hujung p
Bebanan Kerja Tahap Perhubungan Perkahwinan	55	-0.314*	0.019

*. Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-hujung

Jadual 26.0 menunjukkan hasil ujian kolerasi yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai pekali yang diperolehi ialah ($\rho = -0.314^*$) manakala nilai signifikannya pula ialah $p = 0.019$, ($p < 0.05$). Oleh itu keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja dari sudut bebanan kerja mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Perhubungan ini adalah pada tahap perhubungan yang lemah di mana nilai pekali $\rho = -0.314$. Nilai pekali ρ yang negatif menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pembolehubah iaitu punca tekanan kerja dari sudut bebanan kerja dan tahap perhubungan perkahwinan adalah songsang. Semakin meningkat punca tekanan kerja dari sudut bebanan kerja maka semakin rendah tahap perhubungan perkahwinan. Oleh yang demikian hipotesis keenam ini ditolak.

Dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa bebanan kerja yang banyak merupakan salah satu punca tekanan kerja yang dialami oleh anggota-anggota polis. Tekanan kerja ini wujud kerana anggota-anggota polis ini perlu berhadapan dengan pelbagai tugas yang perlu dilaksanakan di tempat kerja dan tugas tersebut melebihi kemampuan yang dimiliki oleh mereka. Tekanan kerja ini akan mempengaruhi perhubungan perkahwinan iaitu semakin tinggi

tekanan kerja yang disebabkan bebanan kerja ini akan mengurangkan perhubungan perkahwinan anggota-anggota polis dalam jabatan polis ini.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang telah dibuat oleh Adelina (1999), yang iaitu desakan kerja mempengaruhi waktu cuti dan rehat pekerja. Para majikan yang terlalu memberi fokus kepada kerja, banyak mempengaruhi kehidupan dan masa rehat mereka bersama keluarga. Menurut pengkaji ini juga, kerja yang berlebihan, tekanan masa dan tarikh akhir perhantaran tugas, waktu bekerja yang panjang dan tidak dapat bersosial akan mempengaruhi aktiviti keluarga dan aktiviti sosial.

Berdasarkan kajian Renshaw (1993) pula mendapati bahawa tekanan dan kepenatan yang berpunca daripada terlalu banyak kerja merupakan penyebab kepada kegagalan fungsi seksual. Penurunan kepuasan terhadap pengurusan emosi pekerjaan mempunyai kaitan dengan penurunan terhadap kepuasan perkahwinan (Stevens, 2001).

Hubungan antara punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan dengan tahap perhubungan perkahwinan.

Ho 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan dengan tahap perhubungan perkahwinan

Hipotesis kedua ini adalah untuk mengetahui hubungan antara punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Hipotesis ini diuji dengan menggunakan analisis Kolerasi Spearmans'.

Keputusan ujian korelasi bagi hubungan antara punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan dengan tahap perhubungan perkahwinan

	N	Spearmans's ρ	Signifikan 2-hujung p
Kurang Peranan Tahap Perhubungan Perkahwinan	55	-0.396**	0.003

** . Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

Jadual 27.0 menunjukkan hasil ujian kolerasi yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai signifikan yang diperolehi ialah $p = 0.003$, ($p < 0.01$). Oleh itu keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Perhubungan ini adalah pada tahap perhubungan yang lemah di mana nilai pekali $\rho = -0.396$. Nilai pekali ρ yang negatif menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pembolehubah iaitu punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan dan tahap perhubungan perkahwinan adalah songsang. Semakin meningkat punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan maka semakin rendah tahap perhubungan perkahwinan. Oleh yang demikian hipotesis kesepuluh ini ditolak.

Dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa kurang peranan juga merupakan salah satu punca tekanan kerja yang dialami oleh anggota-anggota polis. Tekanan kerja ini wujud kerana latihan, pendidikan, kemahiran serta pengalaman yang diperolehi oleh anggota-anggota polis adalah tidak bersesuaian dengan kerja yang sedang dijalankan oleh mereka. Tekanan kerja ini akan mempengaruhi perhubungan perkahwinan iaitu semakin tinggi tekanan kerja yang disebabkan kurang peranan ini akan mengurangkan perhubungan perkahwinan anggota-anggota polis dalam jabatan polis tersebut.

Dapatan daripada kajian Diane Hughes (1999), dari Iniversiti New York juga mendapati bahawa perasaan yang negatif yang disebabkan oleh kerja akan menyebabkan secara psikologi pekerja tersebut berasa mereka tidak berada di dalam rumah walaupun pada hakikat yang sebenar jasad mereka adalah di rumah. Menurutnya juga, berfikir tentang kerja boleh menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pasangan mereka.

Hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut ketidakjelasan peranan

Ho 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut ketidakjelasan peranan.

Hipotesis ketiga ini adalah untuk mengetahui hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut ketidakjelasan peranan dari kalangan anggota-anggota polis. Hipotesis ini diuji dengan menggunakan analisis Kolerasi Spearmans’.

Keputusan ujian korelasi bagi hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut ketidakjelasan peranan

	N	Spearmans’s ρ	Signifikan 2-hujung p
Ketidakjelasan peranan Tahap Perhubungan Perkahwinan	55	-0.424**	0.001

** . Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

Jadual 28.0 menunjukkan hasil ujian kolerasi yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai signifikanyang diperolehi ialah $p = 0.001$, ($p < 0.01$). Oleh itu keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja dari sudut ketidakjelasan peranan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Perhubungan ini adalah pada tahap perhubungan yang lemah di mana nilai pekali $\rho = -0.424$. Nilai pekali yang negatif menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pembolehubah iaitu punca tekanan kerja dari sudut ketidakjelasan peranan dan tahap perhubungan perkahwinan adalah songsang. Semakin meningkat punca tekanan kerja dari sudut ketidakjelasan peranan maka semakin rendah tahap perhubungan perkahwinan. Oleh yang demikian hipotesis kesebelas ini ditolak.

Dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa ketidakjelasan peranan juga merupakan salah satu punca tekanan kerja yang dialami oleh anggota-anggota polis. Tekanan kerja yang dialami ini berkemungkinan wujud disebabkan oleh anggota-anggota polis ini kurang tahu serta jelas

tentang peranan dan tugas mereka di jabatan polis tersebut. Tekanan kerja ini akan mempengaruhi perhubungan perkahwinan iaitu semakin tinggi tekanan kerja yang disebabkan ketidakjelasan peranan ini akan mengurangkan perhubungan perkahwinan anggota-anggota polis dalam jabatan polis ini.

Hasil kajian ini adalah selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Barling dan Macewen (1992) yang telah mendapati bahawa tekanan kerja yang disebabkan oleh kurang jelas terhadap kerja memberi kesan yang negatif terhadap fungsi rumahtangga.

Hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut batasan peranan

Ho 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut batasan peranan

Hipotesis keempat ini adalah untuk mengetahui hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut batasan peranan dari kalangan anggota-anggota polis. Pengujian bagi hipotesis ini adalah dengan menggunakan analisis Kolerasi Spearmans’.

Keputusan ujian korelasi bagi hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dengan dari sudut batasan peranan

	N	Spearmans’s ρ	Signifikan 2-hujung p
Batasan Peranan Tahap Perhubungan Perkahwinan	55	0.085	0.536

Jadual 29.0 menunjukkan hasil ujian kolerasi yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai pekali yang diperolehi ialah ($\rho = 0.085$) manakala nilai signifikannya pula ialah $p = 0.536$, ($p > 0.05$). Oleh itu keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja sudut batasan peranan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Maka hipotesis kedua belas ini diterima.

Dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa batasan peranan juga tergolong dalam punca tekanan kerja yang dialami oleh anggota-anggota polis iaitu mereka menghadapi dilema yang berkaitan dengan peranan mereka di tempat kerja dan tanggungjawab mereka terhadap pelaksanaan kerja tersebut. Walau bagaimanapun tekanan kerja yang berpunca daripada batasan peranan ini tidak mempunyai hubungan dengan tahap perhubungan perkahwinan anggota-anggota polis.

Hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut tanggungjawab

Ho 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut tanggungjawab

Hipotesis kelima ini adalah untuk mengetahui hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut tanggungjawab dari kalangan anggota-anggota polis. Hipotesis ini diuji dengan menggunakan analisis Kolerasi Spearmans’.

Keputusan ujian kolerasi bagi hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut tanggungjawab

	N	Spearmans’s. ρ	Signifikan 2-hujung p
Tanggungjawab Tahap Perhubungan Perkahwinan	55	-0.325*	0.015

*. Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-hujung)

Jadual 30.0 menunjukkan hasil ujian kolerasi yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai signifikan yang diperolehi ialah $p = 0.015$, ($p < 0.05$). Oleh itu keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja dari sudut tanggungjawab mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Perhubungan ini adalah pada tahap perhubungan yang rendah di mana nilai pekali $\rho = -0.325$. Nilai pekali ρ yang negatif menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pembolehubah iaitu punca tekanan kerja dari sudut tanggungjawab dan tahap perhubungan perkahwinan adalah songsang. Semakin meningkat punca tekanan kerja dari sudut tanggungjawab maka semakin rendah tahap perhubungan perkahwinan. Oleh yang demikian hipotesis ketiga belas ini ditolak.

Dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa tanggungjawab merupakan salah satu punca tekanan kerja yang dialami oleh anggota-anggota polis. Tekanan kerja yang dialami ini berkemungkinan wujud disebabkan oleh anggota-anggota polis ini terpaksa berhadapan dengan suatu tanggungjawab serta komitmen yang besar terhadap kerjaya mereka dan hubungan mereka dengan pekerja yang lain.. Tekanan kerja ini akan mempengaruhi perhubungan perkahwinan iaitu semakin tinggi tekanan kerja yang disebabkan tanggungjawab ini akan mengurangkan perhubungan perkahwinan anggota-anggota polis dalam jabatan polis ini.

Kepelbagaian aspek dalam pekerjaan dan tanggungjawab seseorang individu itu akan turut mempengaruhi secara negatif terhadap hubungan kekeluargaan seperti tekanan perkahwinan, fungsi perkahwinan dan emosi ketika berada di rumah. Aspek tersebut termasuklah meluangkan masa tambahan kepada kerja, bekerja dalam kerjaya yang kurang kepelbagaian dan bekerja dalam pekerjaan yang bertekanan tinggi dan kurang sokongan daripada penyelia (Hughes dan Galinsky, 1994).

Hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut persekitaran fizikal

Ho 6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut persekitaran fizikal

Hipotesis keenam ini adalah untuk mengetahui hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut persekitaran fizikal dari kalangan anggota-anggota polis. Pengujian bagi hipotesis ini adalah dengan menggunakan analisis Kolerasi Spearmans’.

Keputusan ujian kolerasi bagi hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut persekitaran fizikal

	N	Spearman's ρ	Signifikan 2-hujung p
Persekitaran Fizikal Tahap Perhubungan Perkahwinan	55	0.046	0.737

Jadual 31.0 menunjukkan hasil ujian kolerasi ρ yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai pekali yang diperolehi ialah ($\rho = 0.046$) manakala nilai signifikannya pula ialah $p = 0.737$, ($p > 0.05$). Oleh itu keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja sudut persekitaran fizikal tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Maka hipotesis keempat belas ini diterima.

Dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa persekitaran fizikal juga tergolong dalam punca tekanan kerja yang dialami oleh anggota-anggota polis. Mereka banyak terdedah dengan persekitaran kerja yang sangat berbahaya dan tidak selamat. Walau bagaimanapun tekanan kerja yang berpunca daripada persekitaran fizikal ini tidak mempunyai hubungan dengan tahap perhubungan perkahwinan anggota-anggota polis.

Dapatan hasil kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian yang telah dibuat oleh Barling dan Macewen (1992) yang mendapati bahawa tekanan kerja yang disebabkan oleh konflik dan persekitaran kerja yang tidak selamat memberi kesan yang negatif terhadap fungsi rumahtangga.

Rumusan keputusan korelasi spearman's' bagi mengenalpasti hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan

Ho: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan

Rumusan keputusan ujian korelasi spearman's' bagi mengenalpasti hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan di kalangan anggota polis

Hipotesis	Nilai yang diperolehi	Keputusan
Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dari sudut bebanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan	($r = -0.314^*$, $p = 0.019$)	DITOLAK
Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan dengan tahap perhubungan perkahwinan	($r = 0.396^{**}$, $p = 0.003$)	DITOLAK
Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dari sudut	($r = 0.424^{**}$, $p = 0.001$)	DITOLAK

ketidakjelasan peranan dengan tahap perhubungan perkahwinan

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dari sudut batasan peranan dengan tahap perhubungan perkahwinan	($r = 0.085, p = 0.536$)	DITERIMA
--	----------------------------	----------

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dari sudut tanggungjawab dengan tahap perhubungan perkahwinan	($r = 0.325^*, p = 0.015$)	DITOLAK
--	------------------------------	---------

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dari sudut persekitaran fizikal dengan tahap perhubungan perkahwinan	($r = 0.046, p = 0.737$)	DITERIMA
---	----------------------------	----------

PERBINCANGAN

Rumusan tentang tajuk kajian

Kajian ini adalah berkenaan dengan hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan yang melibatkan sampel dari kalangan anggota-anggota polis yang telah berkahwin sekurang-kurangnya dua tahun dan tinggal bersama. Tujuannya adalah untuk melihat apakah faktor-faktor tekanan di tempat kerja anggota-anggota polis yang boleh mempengaruhi hubungan mereka dengan pasangan. Kajian ini telah menjawab beberapa objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

Rumusan tentang objektif dan hasil hipotesis

Objektif umum dalam kajian ini ialah mengkaji hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan manakala objektif khusus pula termasuklah mengkaji hubungan antara faktor demografi yang terpilih (umur, pendapatan, bilangan anak dan tempoh perkahwinan) dengan tahap perhubungan perkahwinan, mengkaji hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut beban tugas, mengkaji hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut kurang peranan, mengkaji hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut ketidakjelasan peranan, mengkaji hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut tanggungjawab, mengkaji hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut batasan peranan dan mengkaji hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut persekitaran fizikal.

Ho 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut bebanan kerja

Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja dari sudut bebanan kerja mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Hubungan yang songsang menunjukkan bahawa semakin meningkat

punca tekanan kerja dari sudut bebanan kerja maka semakin rendah tahap perhubungan perkahwinan. Oleh yang demikian hipotesis keenam ini ditolak.

Ho 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan dengan tahap perhubungan perkahwinan

Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Hubungan yang songsang menunjukkan bahawa semakin meningkat punca tekanan kerja dari sudut kurang peranan maka semakin rendah tahap perhubungan perkahwinan. Oleh yang demikian hipotesis ketujuh ini ditolak.

Ho 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut ketidakjelasan peranan

Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja dari sudut ketidakjelasan peranan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis. Hubungan yang songsang menunjukkan bahawa semakin meningkat punca tekanan kerja dari sudut ketidakjelasan peranan maka semakin rendah tahap perhubungan perkahwinan. Oleh yang demikian hipotesis kelapan ini ditolak.

Ho 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut batasan peranan

Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja sudut batasan peranan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis.

Ho 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut tanggungjawab

Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja dari sudut tanggungjawab mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan. Semakin meningkat punca tekanan kerja dari sudut tanggungjawab maka semakin rendah tahap perhubungan perkahwinan.

Ho 6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan dari sudut persekitaran fizikal

Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa punca tekanan kerja sudut persekitaran fizikal tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan dari kalangan anggota-anggota polis.

Secara kesimpulannya punca tekanan kerja mempunyai hubungan dengan tahap perhubungan perkahwinan di kalangan anggota-anggota polis.

Implikasi kajian

Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberi implikasi kepada beberapa pihak tertentu. Pihak-pihak tersebut termasuklah pihak organisasi, pasangan suami isteri dan juga kepada kaunselor keluarga

Organisasi

Berikutan daripada kajian ini, penyelidik berharap agar hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat menyumbang pihak organisasi untuk berusaha untuk menyediakan kepuasan kerja kepada anggota polis supaya prestasi mereka dapat ditingkatkan. Selain itu pihak organisasi juga dapat menilai atau mengetahui lebih lanjut tentang masalah yang berlaku di organisasi mereka yang boleh menyumbang tekanan di tempat kerja kerana tekanan yang dialami bukan sahaja melibatkan gangguan mereka berfungsi di tempat kerja sahaja malah memberi impak yang negatif terhadap hubungan kekeluargaan terutama hubungan bersama pasangan mereka.

Hasil dapatan ini juga dapat dijadikan panduan kepada pihak PDRM untuk melaksanakan program-program yang boleh membantu anggota-anggota polis mengurangkan tekanan di tempat kerja sekiranya mereka tahu punca sebenar yang menyumbang kepada tekanan. Tekanan yang dialami oleh pekerja akan menyebabkan komitmen mereka terhadap kerja berkurangan. Seterusnya, hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada pihak organisasi dalam usaha mereka untuk menyediakan kemudahan dan persekitaran yang bebas daripada tekanan di tempat kerja. Pihak organisasi perlu menitikberatkan faktor ini untuk memastikan anggota-anggota polis dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan dan secara tidak langsung dapat menaikkan imej pasukan polis.

Pasangan suami isteri

Implikasi kepada pasangan suami isteri pula ialah mereka dapat saling faham-memahami antara satu sama lain sekiranya mereka tahu akan situasi yang berlaku di tempat kerja yang boleh mendatangkan tekanan. Bagi pasangan yang kedu-duanya bekerja, mereka perlulah membahagikan masa dengan baik untuk memastikan kebahagiaan mereka dalam rumahtangga. Mereka perlu berhati-hati dalam komunikasi seharian dan memainkan peranan masing-masing dengan sebaik mungkin.

Bidang kaunseling keluarga

Bagi kaunselor keluarga yang mengendalikan permasalahan yang melibatkan ketidakpuasan dalam hubungan keluarga, mereka perlu mengenalpasti apakah punca permasalahan ini berlaku. Salah satu faktor yang memberi sumbangan dalam isu ini ialah tekanan di tempat kerja. Jadi sebagai kaunselor keluarga yang profesional, dapatan kajian ini sekurang-kurangnya membantu mereka mengenalpasti punca yang menyebabkan tekanan di tempat kerja dan membantu klien menangani masalah tekanan tersebut.

Masalah kajian

Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini. Antaranya ialah pengembalian borang kaji selidik kepada pengkaji oleh responden adalah tidak sepenuhnya. Hal ini mungkin disebabkan oleh berlakunya kehilangan borang tersebut semasa proses pengedaran. Seterusnya ialah masalah mengutip semula borang kaji selidik daripada responden. Pada peringkat awalnya pengumpulan semula borang tersebut adalah dalam tempoh seminggu dari tarikh pengedaran. Walau bagaimanapun pengkaji terpaksa menunggu selama tiga minggu untuk mendapat semula borang tersebut..

Bilangan item yang terlalu banyak juga mempengaruhi kejituan responden menjawabnya. Selain itu, borang kaji selidik yang telah diedarkan tidak diasingkan item Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Keadaan ini telah menyebabkan pengkaji tidak dapat mengenalpasti bahasa apakah yang telah digunakan oleh responden menjawab item-item tersebut. Masalah yang seterusnya ialah pengkaji tidak menjalankan proses pemerhatian semasa responden menjawab borang kaji selidik tersebut. Oleh itu sukar bagi pengkaji untuk memastikan kejujuran responden menjawab item-item tersebut.

Cadangan

Menerusi kajian ini terdapat beberapa cadangan yang telah dicadangkan oleh pengkaji untuk organisasi dan pengkaji akan datang.

Organisasi

Cadangan kepada pihak organisasi ialah pihak tersebut perlulah mengadakan kursus –kursus yang berkaitan dengan cara-cara untuk menangani tekanan di tempat kerja supaya mereka bermotivasi untuk melakukan tugas mereka. Faktor-faktor peranan yang tidak jelas, bebanan kerja dan sebagainya akan menyebabkan anggota-anggota polis ini akan berasa tertekan semasa menjalankan tugas mereka dan oleh itu adalah amat penting supaya mereka ini dibekalkan dengan ilmu atau kemahiran yang lebih efektif tentang cara-cara menangani tekanan di tempat kerja.

Pengkaji akan datang

Untuk pengkaji yang akan datang, pengkaji mencadangkan supaya skop kajian diperluaskan iaitu kajian bukan hanya sekadar mengkaji hubungan antara punca tekanan kerja dengan tahap perhubungan perkahwinan malah faktor lain yang terdapat dalam instrumen *Occupational Stress Inventory Revised Edition (OSI-R)* iaitu kerisauan diri (*personal strain*) dan punca diri (*personal resources*).

Selain itu, kajian juga haruslah mengambil kira semua peringkat dalam jabatan polis iaitu termasuklah peringkat pekerja dan pengurusan supaya punca tekanan yang dialami dapat diperbandingkan sama ada punca tekanan yang berlaku adalah sama atau sebaliknya. antara kedua-dua peringkat tersebut. Seterusnya pengkaji akan datang juga disarankan supaya membuat tinjauan secara menyeluruh tentang bagaimana anggota polis ini bekerja untuk menyokong hasil dapatan kajian disamping menjalankan sesi temubual bersama anggota-anggota polis. Pengkaji juga disarankan untuk mengasingkan item-item Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu untuk memudahkan pengkaji mengenalpasti bahasa apakah yang telah digunakan oleh responden untuk menjawab item-item tersebut. *Pilot test* juga perlu dijalankan untuk memastikan item yang telah diterjemahkan itu difahami oleh responden kajian.

Kesimpulan

Daripada dapatan kajian yang telah diperolehi dapatlah disimpulkan bahawa punca-punca tekanan kerja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan anggota-anggota polis ialah bebanan kerja, kurang peranan, ketidakjelasan peranan dan tanggungjawab. Bilangan anak juga merupakan salah satu faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perhubungan perkahwinan.

BIBLIOGRAFI

- Anderson G.S.,Litzenberger R.,&Plecas D.(2002). Physical Evidence of Police Officer Stress. *An International Journal of Police Strategies & Management*,Vol 25 No.2, 399-420.
- Arnold B.(2004). Spillover and Crossover of Exhaustion and Life Satisfaction Among Dual-Earner Parents. *Journal of Vocational Behavior*,Article in Press.
- Bookwala J., Subin J., & Zdaniuk B. (2005). Gender And Aggression In Marital Relationship: A Life Span Perspective. *A Journal of Research*.

- Broadbridge A.(1999). Retail Managers:Stress and The Work-Family Relationship. *International Journal of Retail & Distribution Management*,Vol 27 No.9, 374-383.
- Christine A.L.(1993). *Career success/Personal Stress: How To Stay Healthy In A High Stress Environment*.McGraw-Hill.United States.
- Daniel T.L. (1995). Gender Differences In Marital Quality And Well-Being In Chinese Married Adults. *A Journal of Research*.
- Frone R.F.,Russell M.,&Cooper M.L.(1994). Relationship Between Job and Family Satisfaction:Causal or Noncausal Covariation?. *Journal of Management*
- Grosswald (2004). Effects of Shift Work on Family Satisfaction. *Journal of Family in Society*
- Johnson S.,Cooper C.,Cartwright S., Donald I.,Taylor P.,& Millet C. (2005). The experience of work-related stress across occupations. *Journal Of Managerial Psychology*, Vol 20, Issue 2
- Lock A.,Bordeaux C.,&Eby L.T.(2005). Work and Family Research in IO/OB:Content Analysis and Review of The Literature (1980-2002). *Journal of Vocational Behavior*,Vol.66,Issue 1
- Mahmood Nazar Mohamed.(1990). *Penghantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Tingkah Laku Manusia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka:Kuala Lumpur.
- Mohd Salleh & Zaidatun. (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Windows*. Venton Publishing: Kuala Lumpur:.
- Nangle S.M.,Kelley M.L,Fais-Stewart W.,&Levant R.F. (2003). Work and Family Variables as Related to Paternal Engagement, Responsibility, and Accessibility in Dual-Earned Couples With Young Children. *Journal of Fathering*
- Rohany Nasir.(2003). *Isu-Isu Kaunseling Dan perkembangan Kerjaya*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd:Selangor.
- Scott L.B.,Carl P.M.,&Allison W.P.(2003). The effects of Work-Family Conflict And Family-Work conflict On Nonattendance Behaviors. *Journal of Bussiness Research*, 58 (2005), 919-925.
- Shelly T. (1999). Relationship Its Relationship To Well- Being Of husbands And Wives. *A Journal of Research*.
- Sidek Mohd Noah.(2003). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori Dan Praktis*. Penerbit Universiti Putra Malaysia:Selangor.
- Stevens, Pedersen D., Kiger, Gary, &Riley (2002). Coming Unglued? Workplace Characteristics, Work Satisfaction and Family Cohesion. *Journal of Social Behavior and Personality*
- Zukarnain & Hishamuddin, (2001). *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Universiti Teknologi Malaysia: Johor

